

14/03/1997

Dewan pengusaha industri luar bandar diwujudkan

KOTA BHARU, Khamis - Sebuah dewan pengusaha industri luar bandar akan diwujudkan tahun ini sebagai program melahirkan lebih ramai Bumiputera kelas menengah.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, berkata penubuhan dewan itu penting bagi memastikan pengusaha industri di luar bandar menjalankan kegiatan mereka secara teratur dan tersusun.

Menurutnya, kementerian mendapati pengusaha terbabit tidak mempunyai satu badan khas untuk menjaga kepentingan mereka.

"Ketika ini, pengusaha industri luar bandar berada dalam keadaan bertaburan tanpa menyertai sebarang dewan perniagaan dan hanya bergerak secara sendirian," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis meraikan 100 bakal haji dalam kawasan Parlimen Peringat, yang akan menunaikan ibadat haji tahun ini di kediamannya di Sri Puri dekat sini, hari ini.

Pada majlis itu, Annuar turut menyampaikan sumbangan wang tunai kepada bakal jemaah haji terbabit.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah antara enam kementerian yang akan bergabung bagi merangka program bersepadu melahirkan lebih ramai golongan Bumiputera kelas menengah.

Kementerian Pembangunan Usahawan bertindak sebagai urusetia membabitkan kerjasama Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Belia dan Sukan.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno melahirkan kebimbangan parti itu mengenai golongan menengah Bumiputera yang kecil dan tidak seimbang berbanding kaum lain.

Annuar yakin menerusi program yang dirangka, kementerianya mampu melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera di kawasan luar bandar jika semua pihak bekerjasama dan memberikan komitmen.

(END)